

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) secara jelasnya peruntukan akta undang-undang sivil yang mana akan dipinda untuk menjadikannya lebih semasa seperti yang dijanjikan oleh YB Batang Sadong; dan
- (b) mengapakah perlengahan dan penangguhan berlaku ke atas pindaan akta tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan pindaan terhadap Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67] adalah mengenai prinsip pemberian dan pengiraan ganti rugi bagi kemalangan maut dan kecederaan diri. Cadangan pindaan ini melibatkan pindaan kepada Bahagian I, Bahagian III dan Bahagian VIII Akta 67.

2. Cadangan pindaan Akta Undang-Undang Sivil 1956 memerlukan penelitian yang komprehensif kerana pindaan tersebut akan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). Penelitian ini memakan masa oleh sebab semua isu yang dibangkitkan oleh pihak yang berkepentingan perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya bagi mendapatkan cadangan penyelesaian yang sesuai dan juga untuk memastikan kepentingan kesemua pihak dilindungi.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULASEGARAN
DARIPADA [IPOH BARAT]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) jumlah pelajar kaum India yang belajar di sekolah rendah kebangsaan dan di sekolah rendah Tamil (SRJKT); dan
- (b) jumlah pelajar kaum Cina yang belajar di sekolah rendah kebangsaan dan di sekolah rendah Cina (SRJKC). Berikan pecahan mengikut kaum masing-masing mulai tahun 2010 sehingga tahun 2016.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Jumlah pelajar kaum India yang belajar di SK pada tahun 2016 adalah seramai 62,052 orang, manakala di SJKT adalah seramai 82,712 orang.
- b) Jumlah pelajar kaum Cina yang belajar di SK pada tahun 2016 adalah seramai 18,707 orang dan di SJKC adalah seramai 450,676 orang.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN V. SIVAKUMAR**
DARIPADA [**BATU GAJAH**]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan model apakah yang diterima pakai dalam melaksanakan pendidikan inklusif di negara kita. Sejauh manakah penerimaan dan penglibatan golongan pendidik dalam menjayakan pendidikan inklusif yang telah diserapkan ke dalam dasar pendidikan negara kita.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pendidikan inklusif bagi murid berkeperluan khas (MBK) bermaksud MBK belajar bersama-sama murid tipikal (arus perdana) dalam kelas yang sama di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dengan atau tanpa bantuan sokongan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan model holistik dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (PPI) MBK. Melalui model ini, keseluruhan warga sekolah berkongsi tanggungjawab dan sama-sama berperanan menjayakan pendidikan inklusif. Kemenjadian MBK dalam mencapai potensi yang optimum menjadi salah satu matlamat utama sekolah. Garis panduan Program Pendidikan Inklusif MBK telah dihasilkan pada tahun 2013 sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan PPI.

Pengurusan tertinggi di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telahpun diberi pendedahan tentang MBK secara am dan PPI secara

khususnya pada tahun 2014. JPN dan PPD telah diberi tanggungjawab untuk menyebarkan pelaksanaan program ini kepada semua pentadbir sekolah. Beberapa siri latihan juga telah dilaksanakan melibatkan guru arus perdana dan guru pendidikan khas untuk meningkatkan penerimaan dan kefahaman semua guru tentang pendidikan inklusif MBK.

Berdasarkan penilaian kepada taklimat dan latihan yang telah dibuat, lebih daripada 80 peratus pentadbir sekolah dan guru memahami dan menerima dengan baik pelaksanaan program ini. Sokongan yang padu daripada PPD dan JPN kepada pihak sekolah telah membantu PPI MBK dilaksanakan dengan jayanya.

Program bersepadu meningkatkan kesedaran tentang MBK juga telah dilaksanakan di semua negeri pada tahun 2013-2015. JPN telah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program yang melibatkan keseluruhan warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang MBK. Penilaian terhadap program ini pada tahun 2015 mendapati lebih daripada 70% kumpulan sasaran menerima dan faham tentang MBK.